



Elisa



Art by [signature]



© 2021 Comic Bible Society, LLC



DENGAN DUKACITA ELISA
MENGOYAK JUBAHNYA
MENJADI DUA SOBEKAN,
SEBAGAI TANDA BAHWA
PENGAJARNYA, ELIA SUDAH
DIAMBIL TUHAN.


RIIPPP!




KEMUDIAN DIA MENGAMBIL JUBAH ELIA DAN JADIKAN JUBAH ITU
KEPUNYAANNYA- TANDA BAHWA ROH ELIA ADA BERSAMANYA.



DI MANAKAH
TUHAN, ALLAH
ELIA?



**KUASA ELIA
ADA PADA ELISA.**





NABI-NABI DI SANA
BERSUJUD DI
HADAPANNYA, SEBAGAI
TANDA KEPATUHAN
MEREKA KEPADA
SEKARANG - NABI
UTAMA ISREAL, ELISA.



KAMI ADA 50 ORANG DI SINI,
BIARLAH MEREKA PERGI
MENCARI TUANMU ELIA.

MUNGKIN ROH TUHAN
TELAH MEMBAWANYA
DAN MENINGGALKANNYA
DI ATAS GUNUNG
ATAUPUN DI LEMBAH.

JANGAN -
TAK USAH
PERGI!



ELISA BERGERAK KE KOTA BETEL DAN DALAM PERJALANNYA, BEBERAPA ORANG BUDAK LELAKI MENGOLOK-OLOK DIA.

HAI BOTAK, PERGILAH DARI SINI!

YA SI BOTAK – TIADA TEMPAT UNTUK KAMU DI SINI.

PERBUATAN MENGOLOK NABI TUHAN ADALAH SAMA SEPERTI KAMU MENGOLOK TUHAN SENDIRI.

TUHAN – HAKIMI BUDAK-BUDAK LELAKI INI DENGAN ADIL – KERANA MERAKA TELAH MEMILIH UNTUK MENGOLOK-OLOKKAN MU.

YIIAAH!!

LENGANKU HANCUR!

DUA EKOR BERUANG KELUAR DARI HUTAN DAN MENCABIK-CABIKKAN TUBUH 42 ORANG DARIPADA BUDAK-BUDAK ITU DAN ELISA MENERUSKAN PERJALANANNYA KE SAMARIA.



RAJA YORAM MENJADI RAJA ISREAL SELEPAS KEMATIAN BAPANYA, RAJA AHAB.

DIA MENYEMBAH PATUNG-PATUNG BERHALA TETAPI DIA JUGA MEROBHKAN PATUNG BERHALA YANG DIBINA OLEH AYAHANDANYA UNTUK MENYEMBAH BAAL.



RAJA MESA DARI MOAB, MEMBERI RAJA ISRAEL UFTI SEBANYAK 100,000 EKOR ANAK DOMBA, DAN BULU DOMBA DARIPADA 100,000 EKOR DOMBA.

SEKARANG AHAB SUDAH MANGKAT, TIBALAH MASANYA UNTUK MEMBERONTAK TERHADAP ISREAL.

HAMBA AKAN MENGUMPUL SEGENAP TENTERA BETA; ISRAEL KINI LEMAH DAN BOLEH DITAWAN DENGAN SENANG.



KIRIMKAN BERITA INI KEPADA RAJA YOSAFAT DI YEHUDA - "RAJA MOAB TELAH MEMBERONTAK TERHADAP BETA. MAHUKAH TUANKU BERPERANG BERSAMA DENGAN BETA UNTUK MELAWANNYA?"



JADI YOSAFAT DATANG BERJUMPA YORAM DI ISRAEL.

ANAK-ANAK BUAH DAN PASUKAN BERKUDA BETA SEDIA MENOLONG TUANKU. APAKAH RANCANGAN PERTEMPURAN TUANKU?

KITA AKAN MENGAMBIL JALAN JAUH, YANG MELALUI PADANG GURUN EDMO - RAJA EDMO JUGA BERSAMA KAMI.



DEMIKIANLAH, KETIGA-TIGA RAJA BERSAMA TENTERA MEREKA KELUAR BERPERANG TETAPI SELEPAS TUJUH HARI, MEREKA KEHABISAN AIR MINUMAN.

APA YANG HARUS KITA LAKUKAN?!

JANGAN -JANGAN TUHAN TELAH MERANCANG UNTUK MENYERAHKAN KAMI BERTIGA KEPADA RAJA MOAB?



RAJA YOSAFAT
BERTANYA, ADAKAH
SEORANG NABI
DI SINI?

ELISA, BEKAS
PEMBANTU
ELIA, ADA
DI SINI.

KAMI
PERLUKAN
DIA.



MENGAPA HARUS HAMBA
MENOLONG TUANKU?

PERGILAH TANYAKAN
NABI-NABI AYAHANDA
DAN BONDA TUANKU
DAHULU!

TIDAK! KERANA
TUHAN TELAH MERANCANG
UNTUK MENYERAHKAN
KAMI BERTIGA KEPADA
RAJA MOAB!



HAMBA BERSUMPAH DEMI TUHAN YANG HIDUP,
JIKA BUKAN KERANA HAMBA MENGHORMATI
RAJA YOSAFAT DARI YEHUDA, HAMBA TIDAK
AKAN MENOLONG TUANKU.

PANGGILLAH
SEORANG PEMAIN
KECAPI SEKARANG.



TUHAN BERFIRMAN, 'GALILAH BEBERAPA
PARIT DI DASAR ANAK SUNGAI
YANG KERING INI.

WALAUPIUN TIDAK
ADA HUJAN ATAU ANGIN,
DASAR SUNGAI KECIL INI
AKAN PENUH DENGAN AIR,
DAN ENKAU SERTA TERNAKAN
DAN BINATANG PENGANGKUT
BARANG-BARANGMU AKAN
DAPATKAN AIR MINUMAN
YANG MENCUKUPI!



TETAPI INI HANYA PERMULAANNYA, TUHAN
JUGA AKAN MEMBERI TUANKU KEMENANGAN
TERHADAP ORANG MOAB.

TUANKU AKAN
MENGALAHKAN SEMUA
KOTA MEREKA YANG INDAH —
TERMASUK KOTA MEREKA
YANG BERKUBU — DAN SEMUA
LADANG MEREKA YANG SUBUR
AKAN DILEMPARI BATU
SAMPAI DIMUSNAHKAN.



ESOK PAGINYA, MEREKA MEMANDANG KE ARAH EDMOM.

SEPERTI YANG NABI ITU TELAH BERFIRMAN - AIR TELAH MEMENUHI SUNGAI KERING INI!



ORANG-ORANG MOAB MEMANGGIL SEMUA KAUM LELAKI YANG SANGGUP BERPERANG.



DARAH! ¹

KETIGA-TIGA PASUKAN TENTERA MUSUH KAMI TELAH BERLAWAN DAN MEMBUNUH SATU SAMA LAIN!

MARI KAMI PERGI MENJARAH PERKHEMAHAN MEREKA!

¹ PENGGABUNGAN SINARAN MATAHARI DI PERMUKAAN AIR MENYEBABKAN AIR KELIHATAN MERAH SEPERTI DARAH.



TETAPI APABILA ORANG MOAB SAMPAI DI TEMPAT PERKHEMAHAN, TENTERA ISRAEL MENYERANG DAN MEMBUNUH MEREKA.

MEREKA TIDAK MATI!

LARI!



ORANG
ISREAL MARA
MENYERANG.

MEREKA MELONTAR BATU DI SETIAP LADANG YANG SUBUR,
MENUTUPI SEMUA MATA AIR DI SITU, MENEBAH SEMUA POKOK
BUAH-BUAHAN DAN MENAWAN SETIAP KOTA MUSUH MEREKA.



APABILA RAJA MOAB SEDAR BAHAWA BAGINDA
TELAH KALAH, BAGINDA MEMBAWA 700 ORANG
ASKAR YANG BERPEDANG BERSAMA DENGAN BAGINDA,
LALU CUBA MENEMBUSI PERTAHANAN RAJA EDMO.



APABILA DIA
GAGAL - DIA NAIKI
TEMBOK KOTA DI
DEPAN KEDUA-DUA
TENTERA.

APA YANG
DIA BUAT
ITU?

DIA SEDANG
MEMPERSEMBAHKAN
ANAK LELAKINYA
SEBAGAI KORBAN
KEPADA DEWANYA
KAMOS.



PENGORBANAN RAJA ITU
MENYEBABKAN TENTERA MOAB
BERJUANG DENGAN LEBIH GIGIH.



AKHIRNYA, TENTERA ISREAL UNDUR DARI
KOTA ITU DAN PULANG KE NEGERI MEREKA.

CERITA TAMBAHAN TENTANG ELISA.



SUAMI SAYA - SEORANG NABI DARI KUMPULAN NABI-NABI - TELAH MENINGGAL.

SEKARANG SEORANG PEMIUTANG DATANG UNTUK MERAMPAS DUA ORANG ANAK LELAKI SAYA DAN AKAN MENJADIKAN MEREKA ABDI UNTUK MEMBAYAR HUTANG MENDIANG SUAMI-KU.



MAKANAN APA YANG ADA DI RUMAH PUAN?

TIADA APA-APA, KECUALI MINYAK ZAITUN DI DALAM SEBUAH BEJANA KECIL.

PINJAM SEBERAPA BANYAK BEJANA KOSONG DARIPADA JIRAN-JIRAN KAMU.



"SELEPAS ITU, PUAN DAN ANAK-ANAK PUAN HARUS MASUK KE DALAM RUMAH DAN MENUTUP PINTU."

"TUANGLAH MINYAK DARI BEJANA KECIL ITU KE DALAM BEJANA-BEJANA LAIN - KUMPULAN BEJANA-BEJANA YANG PENUH."



BAWAKAN SATU LAGI BEJANA.

TIADA LAGI BEJANA YANG KOSONG!

KETIKA ITU JUGA, MINYAK BERHENTI MENGALIR.



TUHAN TELAH MELAKUKAN MUKJIZAT DAN MENYEDIAKAN MINYAK SEHINGGA SETIAP BEJANA DIISI.

JUAL MINYAK ZAITUN ITU DAN BAYAR SEMUA HUTANG PUAN, DAN WANG SELEBIHNYA UNTUK NAFKAH HIDUP SEHARI-HARI BAGI PUAN DAN ANAK-ANAK PUAN.



DI KOTA SUNEM, ELISA DAN PEMBANTUNYA DIJEMPUT UNTUK MAKAN DI RUMAH SEORANG PEREMPUAN KAYA. TIAP-TIAP KALI ELISA PERGI KE KOTA ITU.



LELAKI INI SEORANG HAMBA ALLAH. MARILAH KITA MEMBINA SEBUAH BILIK KECIL DI ATAS BUMBUNG RUMAH, DAN LENGKAPINYA DENGAN SEBUAH TEMPAT TIDUR, SEBUAH MEJA, SEBUAH KERUSI DAN SEBUAH PELITA SUPAYA DIA DAPAT MENGINAP DI SITU BILA DIA DATANG KE SINI.



LAWATAN BERIKUTNYA...

PANGGIL PEREMPUAN ITU.



KAMU TELAH BERSUSAH-PAYAH MENYEDIAKAN KEPERLUAN KAMI. APA YANG DAPAT KAMI LAKUKAN UNTUK KAMU - MUNGKIN KAMU INGIN SAYA MENYAMPAIKAN PESANAN PENTING KEPADA RAJA ATAU PANGlima TENTERA?


TIDAK - SAYA AMAT PUAS HATI.





JIKA DEMIKIAN, APAYANG DAPAT SAYA LAKUKAN UNTUKNYA?

DIA TIDAK MEMPUNYAI ANAK LELAKI DAN SUAMINYA SUDAH TUA.

SURUH PEREMPUAN ITU DATANG LAGI.










DIA MENIARAP PADA TUBUH BUDAK ITU DAN MERAPATKAN MULUTNYA, MATANYA, DAN TANGANNYA PADA MULUT, MATA, DAN TANGAN BUDAK ITU DAN BADAN BUDAK ITU MULA MENJADI PANAS.



ELISA BANGUN, DAN BERJALAN MUNDAR-MANDIR DI DALAM BILIK ITU, LALU MENIARAP SEKALI LAGI PADA TUBUH BUDAK ITU.



BUDAK ITU BERSIN TUJUH KALI LALU MEMBUKA MATANYA.


HACHOO!
HACHOO!

PANGGIL IBU DIA.




AMBILLAH ANAKMU.





PADA SUATU MASA, KETIKA MUSIM KEBULURAN BERLAKU, ELISA PULANG KE SEKUMPULAN NABI DI GILGAL.

AMBIL SEBUAH PERIUK BESAR DAN MASAKLAH SUP UNTUK NABI-NABI INI.



NABI-NABI YANG MUDA KELUAR UNTUK Mencari Rempah-rempah di ladang untuk sup itu.



NABI TUHAN, MAKANAN INI BERACUN - TERDAPAT LABU LIAR DI DALAM SUP INI!



AMBIL SEDIKIT TEPUNG.



HIDANGKAN MAKANAN ITU SEKALI LAGI.

SELEPAS ELISA MEMASUKKAN TEPUNG KE DALAM PERIUK, MAKANAN ITU TIDAK LAGI BERACUN.



MENAKJUBKAN - ALLAH BENAR-BENAR DENGAN ELISA.

KAMI BOLEH BELAJAR BERJALAN DENGAN TUHAN MELALUI TINGKAH LAKU ELISA.





NAAMAN MERUPAKAN PANGlima TENTERA NEGERI SIRIA, DIA SEORANG ASKAR YANG BERANI, DIHORMATI DAN DIHARGAI OLEH RAJA SIRIA, TETAPI DIA MEMPUNYAI SATU MASALAH.



DIA ADA PENYAKIT KULIT.



ISTERI NAAMAN MEMPUNYAI SEORANG HAMBA ISRAEL YANG TELAH DITANGKAP DALAM SUATU SERANGAN TERHADAP ISRAEL DULU.

ALANKAH BAIK JIKA TUAN SAYA DAPAT PERGI KEPADA NABI YANG TINGGAL DI SAMARIA!

DIA DAPAT MENYEMBUHKAN PENYAKIT TUAN SAYA.




ISTERI HAMBA TELAH BERITAHU SAYA TERDAPAT SEORANG NABI DI ISRAEL YANG BOLEH MENYEMBUH DAN MELAKUKAN MUKJIZAT-MUKJIZAT TUHAN - IZINKAN HAMBA UNTUK MENEMUI NABI INI.

PERGILAH KEPADA RAJA ISRAEL - BAWA SURAT INI KEPADANYA.



NAAMAN BERANGKAT KE ISRAEL SAMBIL MEMBAWA 750 PAUN PERAK, 150 PAUN EMAS DAN 10 PASANG PAKAIAN YANG CANTIK.







SEKARANG SAYA TAHU HANYA TERDAPAT SATU ALLAH DI SELURUH DUNIA, IAITU ALLAH ISRAEL.

SUDILAH TUN TERIMA PERSEMBAHAN SAYA INI.

DEMI TUHAN HIDUP YANG SAYA ABDIKAN DIRI, SAYA TIDAK AKAN TERIMA APA-APA HADIAH PUN.



TOLONGLAH - TUN TELAH MELAKUKAN SUATU MUKJIZAT HEBAT DENGAN MENYEMBUH KU.

TUNAH ALLAH ISRAEL TELAH MENYEMBUH TUNANKU.


JADI, BERIKANLAH SAYA TANAH SEBANYAK YANG DAPAT DIBAWA OLEH SEPASANG BAGHAL - MULAI SEKARANG SAYA TIDAK LAGI AKAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN-KORBAN ATAU KORBAN YANG DIBAKAR KEPADA TUHAN-TUHAN LAIN, KECUALI KEPADA TUHAN, ALLAH SAHAJA.

PERGILAH DENGAN SEJAHTERA.



"TETAPI SAYA BERHARAP AGAR TUHAN DAPAT MENGAMPUNI SAYA APABILA SAYA MENGIRINGI RAJA PERGI BERSEMBAHYANG DI KUIL RIMON KERANA DIA AKAN MENYANDAR ATAS LENGAN-KU..."

"DAN SAYA TERPAKSA BERSUJUD DI SITU JUGA— MOGA TUHAN MENGAMPUNI-KU."



TUANKU MEMBENARKAN NAAMAN PERGI TANPA MEMBAYAR APA-APA PUN, DIA SEPATUTNYA MENERIMA PEMBERIAN ORANG SIRIA ITU.

DEMI TUHAN YANG HIDUP, AKU AKAN MENGEJAR ORANG SIRIA ITU DAN MENDAPATKAN SESUATU DARIPADANYA UNTUK DIRIKU.



ADAKAH
SEMUA DALAM
KEADAAN BAIK?

YA, SAYA DIHANTAR
OLEH TUANKU KERANA
DUA ORANG NABI
DARIPADA KUMPULAN
NABI BARU SAJA DATANG
MENEMUI TUAN KU.

TUAN SAYA
MINTA SUPAYA TUAN
MEMBERIKAN 3,000
KEPING WANG PERAK DAN
DUA PASANG PAKAIAN
BAIK UNTUK KEDUA-DUA
ORANG NABI ITU.



SUDAH TENTU,
AMBILLAH.

DAN SAYA AKAN
MENGHAANTAR DUA
HAMBAKU UNTUK
MENGANGKATNYA
UNTUK KAMU.



TINGALKAN
SEMUA DALAM
SINI
DAN PULANGLAH
KEPADA TUAN-MU.



KE MANA ENKAU
PERGI, GEHAZI?

TIDAK KE
MANA-MANA.

BUKANKAH
ROH KU DI SANA
KETIKA ORANG ITU TURUN
DARI KERETA KUDANYA
UNTUK MENEMUI
ENKAU?


ADAKAH INI MASANYA
UNTUK MENERIMA WANG
DAN PAKAIAN- ATAU KEBUN
ZAITUN DAN LADANG ANGgur,
LEMBU DAN DOMBA, ATAU
HAMBIA-HAMBIA?



ENKAU DAN
KETURUNANMU
AKAN MENDAPAT
PENYAKIT NAAMAN
SELAMA-LAMANYA!









"YA TUHAN, BUTAKANLAH
MATA SEMUA ORANG INI!"

DAN TUHAN BUTAKAN
TENTERA ITU.



KAMU SESAT
JALAN, INI BUKAN
KOTA YANG
KAMU CARI.

IKUT SAYA. SAYA
AKAN MEMBAWA KAMU
KEPADA ORANG YANG
KAMU CARI ITU.

LALU DIA MEMIMPIN MEREKA
KE SAMARIA, IBU KOTA ISRAEL.



CELIKKANLAH
MATA MEREKA,
TUHAN, BIARLAH
MEREKA MELIHAT.

ALAMAK -
KITA DI
DALAM KOTA
ISRAEL.

MEREKA
AKAN MEMBUNUH
KAMI SEMUA.



BOLEHKAH
SAYA BUNUH
MEREKA AYAH?
BOLEH SAYA
BUNUHKAN
MEREKA?

ADAKAH KAMU
AKAN MEMBUNUH
BANDUAN-BANDUAN
PERANG?



BERILAH MEREKA
MAKANAN DAN MINUMAN,
DAN BIARLAH MEREKA
PULANG KEPADA RAJA
MEREKA.




MENURUT KATA-KATA ELISA, RAJA ISRAEL
MENYEDIAKAN SUATU JAMUAN BESAR
UNTUK TENTERA SIRIA.

SETELAH MEREKA MAKAN DAN MINUM,
MEREKA PULANG KEPADA RAJA MEREKA.

SEJAK ITU, ORANG SIRIA TIDAK
MENYERANG NEGERI ISRAEL LAGI.

TIDAK LAMA KEMUDIAN, RAJA ARAM MEMIMPIN SELURUH
TENTERANYA MELAWAN ISRAEL DAN MENGEPUK KOTA SAMARIA.



INI MENYEBABKAN
KEBULURAN YANG DAHSYAT
TERJADI DI KOTA ITU
SEHINGGA SATU KEPALA
KELDAIDIJUAL DENGAN
HARGA DUA PAUN PERAK.



TUANKU,
TOLONGLAH
HAMBA!

JIKA TUHAN
TIDAK MENOLONG
KAMU, BAGAIMANA
PULA BETA DAPAT
MENOLONG? BETA
TIDAK MEMPUYAI
GANDUM.

ATAUPUN WAIN!

KENAPA NI?



PEREMPUAN INI
BERKATA KEPADAKU,
"BAGILAH ANAK KAMU UNTUK
DIMAKAN HARI INI DAN ESOK
KITA MAKAN ANAKKU."

OLEH ITU KAMI MASAK
ANAK HAMBA DAN MAKANNYA.
KEESOKKAN HARI, HAMBA
BERITAHU DIA "BAGILAH ANAK
KAMU SUPAYA KAMI DAPAT
MAKANNYA," TETAPI DIA
MENYEMBUNYIKAN
ANAKNYA.



MOGA ALLAH
MEMBUNUH BETA JIKA
KEPALA ELISA TIDAK
DIPANCUNG PADA
HARI INI!







KAMI TELAH PERGI KE PERKHEMAHAN ORANG ARAM, TETAPI KAMI TIDAK NAMPAK - ATAU DENGAR SESIAPA PUN - HANYA KUDA DAN KELDAI MEREKA MASIH TERIKAT PADA TEMPATNYA, DAN PERKHEMAHAN ITU DITINGGALKAN BEGITU SAHAJA.

ORANG-ORANG ARAM TELAH PERGI!



BIARLAH BETA TERANGKAN KEPADA KAMU APA ORANG ARAM TELAH LAKUKAN - MEREKA TAHU KAMI KELAPARAN JADI MEREKA BERSEMBUNYI DI PADANG UNTUK MENUNGGU KAMI KELUAR UNTUK MENANGKAP KAMI.

HANTAR BEBERAPA ORANG DENGAN LIMA EKOR KUDA YANG MASIH ADA, DAN SIASAT APA YANG TELAH BERLAKU.

NASIB MEREKA TIDAK BERBEZA DENGAN UMAT ISREAL LAIN YANG AKAN MATI JUGA.



MEMANG BENAR - TENTERA ARAM TELAH MELARIKAN DIRI!

CEPAT - KEMBAL KE KOTA DENGAN BERITA BAIK INI!

PEGAWAI YANG MENYOAL ELISA DITEMPATKAN UNTUK MENJAGA PINTU GERBANG KOTA - DIA MATI DI SITU KERANA DIPIJAK-PIJAK ORANG RAMAI SEMASA MEREKA KELUAR UNTUK MENJARAH PERKHEMAHAN ORANG ARAM.



PADA HARI ITU, 12 PAUN GANDUM YANG TERBAIK DAN 20 PAUN BARLI DIJUAL DENGAN HARGA SATU KEPING WANG PERAK SAHAJA... SEPERTI MANA ELISA TELAH RAMALKAN.

ELISA TELAH BERITAHU SEORANG PEREMPUAN SUNEM, YANG ANAK LELAKINYA PERNAH DIHIDUPKAN KEMBALI OLEH ELISA, BAHAWA TUHAN AKAN MENDATANGKAN KEBULURAN DI NEGERI ITU SELAMA TUJUH TAHUN, JADI PEREMPUAN ITU MENINGGALKAN KOTA ITU DAN BERPINDAH KE TANAH ORANG FILISTIN.

SELEPAS TUJUH TAHUN, PEREMPUAN ITU KEMBALI KE ISRAEL LALU MENGHADAP RAJA UNTUK MEMOHON SUPAYA RUMAH DAN TANAHNYA DI KEMBALIKAN KEPADANYA.



PADA HARI ITU, HAMBA ELISA SEDANG BERITAHU RAJA TENTANG MUKJIZAT-MUKJIZAT YANG PERNAH DIA LAKUKAN TERMASUK MUKJIZAT MENGHIDUPKAN ANAK PEREMPUAN ITU YANG TELAH MATI.




TUANKU, INILAH PEREMPUAN ITU, DAN INILAH ANAKNYA YANG TELAH DIHIDUPKAN SEMULA OLEH ELISA.

BETA TIDAK PERNAH DENGAR TENTANG ORANG YANG KEMBALI DARI KEMATIAN SEHINGGA SEKARANG.

BETA INGIN KEMBALIKAN SEGALA HARTA MILIK PEREMPUAN INI... TERMASUK PENDAPATAN SEMUA HASIL TANAMAN DI LADANGNYA SELAMA TUJUH TAHUN DIA DI LUAR NEGERI.

BAIKLAH TUANKU - SEPERTI YANG DIPERINTAH TUANKU.

ELISA PERGI KE DAMSYIK UNTUK MENJALANKAN SATU DARI PADA TIGA PERINTAH YANG TUHAN TELAH BERIKAN KEPADA ELIA DI GUNUNG HOREB (1 RAJA-RAJA 19:15-16)



RAJA ARAM SEDANG SAKIT DAN APABILA DIA DENGAR ELISA BERADA DI KOTANYA, DIA MEMANGGIL PEGAWAINYA, HAZAEL.



BAWA HADIAH INI DAN BERTEMULAH DENGAN NABI ITU.

SURUH DIA BERTANYA KEPADA TUHAN SAMA ADA BETA AKAN SEMBUH ATAU TIDAK.

RAJA ITU BERHARAP UNTUK MEMPENGARUHI ELISA UNTUK SUATU JAWAPAN YANG MENGGALAKAN JADI DIA MENGANTAR HAZAEL MENEMUNYA DENGAN 40 EKOR UNTA YANG MEMBAWA PELBAGAI HADIAH DAN PEMBERIAN.



RAJA BEN-HADAD, HAMBA TUAN, MENYURUH SAYA BERTANYA KEPADA TUAN SAMA ADA BAGINDA AKAN SEMBUH DARIPADA PENYAKITNYA ATAU TIDAK.



PERGI DAN KATAKAN KEPADANYA, "BETA AKAN SEMBUH."

WALAU BAGAIMANAPUN, TUHAN TELAH BERFIRMAN KEPADA SAYA BAHAWA BAGINDA AKAN MANGKAT.

ELISA MENATAP HAZAEL DENGAN PANDANGAN YANG BEGITU TAJAM SEHINGGA HAZAEL BERASA GELISAH DAN BERPALING DARINYA KERANA MALU.¹



¹HAZAEL MALU KERANA DIA SEDAR ELISA TAHU DIA BERKOMPLOT UNTUK MEMBUNUH RAJANYA.





SUPERBIBLE.TV